AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# قليتا بروني
# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**"SESIAPA yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu), maka (janganlah Engkau berduka cita wahai Nabi Muhammad) kerana Kami tidak mengutus Engkau untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan)". Surah An-Nisaa, Ayat 80.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.09 | ISYAK 7.18

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 67 BILANGAN 122 | 10 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الأول 14 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# BERANGKAT KE SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD PERINGKAT NEGARA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. - Foto : Haji Ariffin Md Noor / Morshidi (*Lihat muka 3 dan 4*).**

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi**

## Munajat : Jadikan sebagai budaya, amalan kerohanian berkekalan

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Oktober. - Munajat adalah satu amalan yang sangat digalakkan dalam agama kerana melalui munajat seorang hamba Allah itu akan lebih bertaqarrub kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan melipatgandakan doa, zikir dan istighfar memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan-Nya.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Malam Munajat anjuran kementerian berkenaan bagi kali ke-56 secara maya dengan niat dan usaha supaya ia menjadi budaya dan amalan kerohanian yang berkekalan, di samping dengan niat agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit yang merbahaya seperti COVID19.

**>> Muka 5**

## Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam JPM

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Oktober. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Dikir Assalamualaika, Dikir Syarafil Anam dan diakhiri dengan Dikir Marhaban selepas Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

**>> Muka 6**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei


## Berita Utama




**250 penduduk RPN Tanah Jambu setuju undi Pengiran Mazrawi**

Muka 18



**BIRO Wanita MPK Sengkurong 'B' anjurkan Majlis Penutup Sambutan Maulidur Rasul**

Muka 19



RENCANA

**MEMPERKASA, menghargai warga emas tanggungjawab bersama**

Muka 20

### STATUS COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 9 OKTOBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.5% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.5% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 85.8% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 318 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 228,007 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

# Dikir semarakkan sambutan, menyatupadukan masyarakat

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH** syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmatNya mengizinkan kita untuk dapat lagi meraikan Maulud Nabi, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam keadaan yang selamat.

Membesarkan sambutan ini adalah merupakan luahan kasih seluruh umat Islam kepada Baginda, sekalipun kita belum atau tidak pernah bersua muka dengan Baginda. Kerana itu kita di Negara Brunei Darussalam ini tidak pernah tarik diri dari turut meraikan sambutan yang bersejarah ini.

Di negara ini, salah satu amalan signifikan masyarakat Brunei apabila menjelangnya Rabiulawal ialah berdikir selama 12 malam berturut-turut, dengan acara kemuncaknya pula adalah perhimpunan. Dikir sudah terbukti mampu untuk menyemarakkan sambutan dan sekali gus berhasil menyatupadukan masyarakat.

Beta berharap kelestarian berdikir ini akan kekal menjadi jati diri bangsa dan dengan membawakannya, kita seolah-olah akan lebih hampir lagi kepada Baginda serta bertambah tinggi harapan untuk mendapatkan syafaat Baginda.

Mengenai syafaat atau pertolongan ini, kita orang-orang Islam memang sangat-sangat berhajat kepada syafaat Nabi, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, terutama pada Hari Kiamat kelak. Oleh itu, besarlah harapan kita untuk menjadi orang-orang yang dikasihi oleh Baginda supaya senang mendapat syafaatnya, iaitu caranya, dengan memperbanyakkan selawat, sebagaimana isyarat hadis yang bermaksud,

"*Aku (Nabi Muhammad) adalah kekasih Allah dan orang yang berselawat ke atasku adalah kekasihku. Lalu barang siapa yang ingin untuk menjadi kekasih kepada kekasih, maka banyakkanlah selawat ke atasku*".

Dengan keadaan dunia masih menghadapi pelbagai ujian dan cabaran ini, baginda melihat, munajat dengan berselawat adalah masih relevan bahkan mustahak, kerana impak selawat itu sedia difahami sebagai membawa syafaat dan rahmat.

Maka oleh itu, marilah kita terus memeriahkan negara ini dengan selawat.

Beta percaya, dari kesan-kesan munajat kita selama ini, iaitu membaca Surah Yaa Siin, berselawat dan berdoa, maka Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan rahmat-Nya yang melimpah-limpah kepada kita, berupa nikmat yang sukar diraih oleh mana-mana negara di dunia ini.

Dalam usaha mempertinggikan syiar dan pengetahuan ugama di negara ini, beta mengambil maklum bahawa Pusat Da'wah Islamiah sedang mengemaskinikan program-program latihan da'ie melalui Skim Tarbiyah Da'ie.

Dengan adanya skim ini, diharapkan generasi baharu di kalangan anak-anak tempatan akan lebih berminat kepada bidang dakwah, untuk menjadi penceramah atau pendakwah, sejajar dengan perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam yang tidak pernah berhenti berdakwah sehingga ke akhir hayat Baginda.

Beta yakin, melalui Skim Tarbiyah Da'ie ini, dapatlah para da'ie dari kalangan anak-anak tempatan mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran, sehingga mampu untuk berdaya saing dengan penceramah-penceramah luar negara. Azam ini janganlah dilunturkan sehingga kita benar-benar berhasil mencapainya.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Titah Perutusan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | ISNIN | 14 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 11 | SELASA | 15 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |
| 12 | RABU | 16 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |
| 13 | KHAMIS | 17 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.07 | 7.17 |
| 14 | JUMAAT | 18 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.07 | 7.16 |
| 15 | SABTU | 19 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.07 | 7.16 |
| 16 | AHAD | 20 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.06 | 7.16 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 32 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 23 °C | 32 23 °C | 32 23 °C |
| Pekan Tutong | 30 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 30 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 10 OKTOBER 2022

### Lazimkan zikrullah, selawat

**DALAM** kehidupan kita seharian, kita tidak akan lari dari diuji dengan pelbagai cubaan dan dugaan. Cubaan dan dugaan ini sentiasa Allah bagi kepada kita, tanpa mengira kelapangan kita atau kesibukan kita. Tetapi setiap ujian ini ada hikmah di sebaliknya kerana ingin kita kembali ke pangkal jalan sebelum jauh hanyut. Pada setiap 12 Rabiulawal, kita akan menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Di seluruh Negara memulakan bulan Rabiulawal dengan mengadakan malam-malam zikir, malam-malam selawat, atau di Negara Brunei Darussalam malam-malam dikir.

Malam-malam zikir setentunya kita adakan adalah untuk sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, akan tetapi zikir itu bukanlah pada malam-malam tertentu, ia sebaiknya diadakan pada setiap malam. Dengan kita melazimkan zikrullah iaitu mengingati Allah, kita akan rasa tenang, tenteram terhindar dari melakukan kejahatan dan kemungkaran. Sepertimana Firman Allah dalam surah Ar-Ra'd ayat 28 antara lain makna terjemahannya : *"(iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati Allah Subhanahu Wata'ala), ketahuilah dengan zikrullah itu hari menjadi tenteram"*. Marilah kita sama-sama melazimkan masa-masa yang ada dengan zikrullah.

Dalam kita memperingati junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memperbanyakkan selawat merupakan satu tuntutan di dalam agama Islam sepertimana dalam hadis, daripada Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : *"Sesungguhnya barang siapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat"*.

Alhamdulillah, pada tahun ini, Penutup malam-malam selawat, atau berdikir jatuh pada hari Jumaat, terdapat satu riwayat di dalam al-Sunan al-Kubra oleh Imam al-Baihaqi bahawa akan dibentangkan setiap selawat daripada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap hari Jumaat : daripada Abu Umamah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : *"Perbanyakanlah berselawat ke atasku pada setiap hari Jumaat. Sesungguhnya selawat yang dibaca oleh umatku akan dibentangkan kepadaku pada setiap hari Jumaat. Barang siapa yang paling banyak berselawat ke atasku, maka dia akan berada paling hampir denganku (di dalam Syurga)"*.

Sayang dan cinta Nabi Muhammad kepada umatnya dengan menyediakan pelbagai cara untuk mendapatkan syafaat Baginda. Dalam kita menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kita mestilah Mentaati segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Sentiasa Meneladani akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Melazimkan dengan Menghidupkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan Sunnah Baginda, manfaatkan masa setiap hari dengan Memperbanyak ucapan selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Semoga Allah merahmati kita umat Nabi Muhammad yang sentiasa zikrullah dan berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Nilai zikrullah dan selawat ini mungkin tidak nampak di dunia, tetapi ia akan nampak di hari kendila kelak. Sekian sidang pengarang buat keluaran kali ini.

**- Ketua Penyuntingan (Fa)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT KE SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD PERINGKAT NEGARA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah, yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Sebaik sahaja polis pengiring bermotosikal memasuki letak kereta berhadapan Bangunan Jabatan Hal Ehwal Syariah, pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah mula membacakan Tala'al Badru Alaina bagi menyambut keberangkatan baginda.

Majlis sambutan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban dibawakan oleh Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, sebaik sahaja bacaan sampai di 'Ya Habibi', tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Acara disusuli dengan Ceramah Khas, disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Penolong Pensyarah KUPU SB dalam Ceramah Khasnya berharap semoga semua orang yang hadir pada majlis sambutan tersebut dapat menambahkan lagi kecintaan mereka terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seterusnya menjelaskan kecintaan kita, sebagai Umat Islam, terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hendaklah melebihi cinta kita terhadap kedua ibu bapa.

Awang Haji Abdul Rahman kemudiannya menyebutkan Hadis Riwayat Al-Bukhari, yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu : *"Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia lebih mencintai aku daripada kedua-dua ibu bapanya, anaknya dan manusia seluruhnya".*

Beliau seterusnya mengongsikan mengenai Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim bermaksud :

**>> Muka 4**







**DIKIR Marhaban dibawakan oleh Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan antara yang hadir menyemarakkan sambutan tersebut (kanan dan kiri), sementara gambar bawah kiri, para Penuntut Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah kemudiannya membacakan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Munjiyyah dan gambar bawah kanan, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan pada sambutan berkenaan.**

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1444 Hijrah, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.**

**>> Muka 3**

Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu menceritakan, bahawa seseorang mendatangi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu bertanya, *"Wahai Rasulullah, bilakah kiamat berlaku?" Baginda bertanya kembali, "Apakah yang telah kau persiapkan untuknya?" Dia menjawab, "Wahai Rasulullah, aku tidak menyiapkan puasa yang banyak, tidak juga sedekah. Hanya saja, aku mencintai Allah dan Rasul-Nya". Beliau bersabda, "Engkau kelak (akan dibangkitkan) bersama yang kau cintai".*

Dalam tazkirahnya juga beliau mengingatkan agar kita sentiasa muhasabah diri dan berdoa agar kita semua akan digolongkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di akhirat kelak.

Sejurus selepas itu, Penuntut Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah kemudiannya membacakan Selawat Tafrijiyyah dan Selawat Munjiyyah.

Bagi memohon berkat dan rahmat di majlis yang berkebajikan ini, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga diadakan serentak di keempat-empat daerah, iaitu di Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan di Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Manakala di Daerah Temburong diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Daerah Temburong, dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir.

Tema bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi tahun ini ialah 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam'.







**YANG Berhormat Mufti Kerajaan ketika membaca Doa Selamat.**

**CERAMAH Khas, disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak (kanan), sementara gambar atas, para hadirin menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan. Manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara yang hadir menyemarakkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1444H.**





# MUNAJAT : JADIKAN SEBAGAI BUDAYA, AMALAN KEROHANIAN BERKEKALAN






>> Muka 1

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Malam Munajat malam tadi menyaksikan penyertaan daripada orang ramai dan juga para jemaah daripada 89 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penasihat Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Sejurus itu, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd Hanafi, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kementerian Pendidikan, dari Surau Asy-Syafi'i, UNISSA.

Diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Jakaria bin Haji Hitam / Itam.

Acara diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Ya Rasulullah! Kami Sangat Mencintai Mu' disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi kali ke-56 secara maya.**

Bersempena dengan bulan kelahiran Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bacaan Dikir Asyraqal Badru 'Alaina diketuai oleh Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd Don dan dipimpin oleh Ketua Biro Keugamaan Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Nipah @ Ariffin bin Haji Hassan, bersama para ahli Pertubuhan WARGAMAS dari Ibu Pejabat Pertubuhan WARGAMAS, Berakas.

Bagi memberkati acara, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin, dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Ikut serta acara Munajat tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Orang ramai adalah dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana juga mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau melalui Instagram PDI di *@pdi_kheu*.

# 10.6 peratus penduduk lengkap 4 dos vaksin

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Oktober. - Sebanyak 293 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 227,689.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi, manakala tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi program vaksinasi setakat 8 Oktober 2022, sebanyak 85.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.5 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.6 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# 318 kes dilaporkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Oktober. - Sebanyak 318 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 228,007.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes dilaporkan berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 9 Oktober 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 85.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.5 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.5 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.6 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.



# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Jabatan Perdana Menteri





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan di bawahnya berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, dan juga menyempurnakan penyampaian sumbangan wakaf kepada Imam masjid berkenaan (atas dan atas kanan).

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**>> Muka 1**

Majlis disempurnakan lagi dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, kepada Imam Masjid berkenaan, Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan JPM.




## Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta rombongan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas (kiri dan atas).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Oktober. - Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hadir ke Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi, di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (DRIPAD), Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan Dikir Syarafil Anam.

Acara kemudian diteruskan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban, Doa Dikir dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis diteruskan dengan Tazkirah, bertajuk 'Bukti Cinta Kepada Rasulullah Shallalahu 'Alaihi Wassalam', disampaikan oleh Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Majlis dikir tersebut diadakan dengan usaha sama KSSUP, AJK Takmir Masjid DRIPAD dan Al-Huffaz.bn, bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli Takmir Masjid dan jemaah serta penduduk sekitar bersama Pegawai dan Kakitangan KSSUP.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; Ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan, para Pegawai dan Kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid DRIPAD; dan penduduk setempat.

# COVID-19 beri kesan mendalam pada kesihatan mental

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Oktober. - Tema Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia tahun ini ialah 'Jadikan Kesihatan Mental dan Kesejahteraan untuk Semua Keutamaan Global'.

Tema ini mengetengahkan kepentingan kesihatan mental memandangkan beban kesihatan mental di peringkat global semakin meningkat akibat daripada cabaran yang dihadapi, di seluruh dunia sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Ini, termasuk kesan dari pandemik COVID-19, peperangan dan konflik bersenjata, kekurangan bekalan sumber asas serta peningkatan kos sara hidup.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menggariskan mengenai perkara itu, dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022.

Menurut Yang Berhormat, pandemik COVID-19 telah memberikan kesan mendalam pada kesihatan mental secara amnya.

Di seluruh dunia, akses pada semua perkhidmatan kesihatan rutin, termasuk perkhidmatan kesihatan mental terjejas dan sangat terhad semasa penularan COVID-19.

Malah, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali terkesan oleh impak pandemik COVID-19, di mana pandemik telah menyebabkan jurang di antara keperluan dan pemberian perkhidmatan berikutan pelaksanaan langkah-langkah pengawalan COVID-19 yang tidak dapat dielakkan.

Ini, termasuk pengalihan sumber penjagaan kesihatan untuk menangani pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan kesukaran bagi orang ramai untuk mengakses perkhidmatan kesihatan, seperti kesihatan mental, pada masa itu.

Pada Ogos 2021, iaitu ketika permulaan gelombang kedua COVID-19 melanda Negara Brunei Darussalam, Talian Harapan 145 menerima sebanyak 1,058 panggilan dalam tempoh dua bulan dan ini adalah kenaikan yang ketara dari purata jumlah panggilan bulanan yang diterima, pada tahun 2020, iaitu sebanyak 445 panggilan.

Di samping itu, menurut data dari rekod kesihatan elektronik (Bru-HIMS) bagi tahun 2021, seramai 1,515 individu didiagnosis dengan *anxiety disorder* dan lebih daripada 900 individu mengalami *depressive disorders*.

Ini menunjukkan, bahawa pandemik COVID-19 terbukti terdapat kesan yang meluas terhadap kesihatan mental.

Di seluruh dunia, pandemik COVID-19 mengakibatkan peningkatan tahap tekanan mental atau stres dan mewujudkan kadar kebimbangan serta kemurungan yang tinggi, di mana ia dianggarkan 1 dalam 4 individu mengalami masalah kesihatan mental semasa tahun pertama pandemik tersebut berlaku.

Kita juga menyaksikan bagaimana pembelajaran kanak-kanak dan para remaja terjejas kerana tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka serta tidak dapat bertemu bersama rakan dan keluarga dari rumah tangga yang berlainan.

Ia juga meningkatkan kesan negatif yang dialami oleh *vulnerable groups*, seperti mangsa penderaan dan keganasan rumah tangga, di mana mereka ini semakin terpencil dan susah mendapat akses pada pertolongan semasa pandemik.

Di samping itu, terang Yang Berhormat lagi, kewujudan global *existential uncertainties*, seperti ketidakpastian sumber pendapatan bagi kebanyakan orang menambahkan lagi risiko individu untuk menghidap penyakit kesihatan mental, seperti stres dan gangguan emosi.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022.**

Selain itu, kepentingan kesihatan mental di tempat kerja juga perlu diberi perhatian.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (The International Labour Organisation), dianggarkan sejumlah 12 bilion hari bekerja lenyap setiap tahun disebabkan oleh kemurungan dan kegelisahan yang dialami berkaitan dengan tempat bekerja menyebabkan kerugian ekonomi dunia sekitar USD1 trilion.

Kesejahteraan kesihatan mental mempunyai kesan pada prestasi dan produktiviti individu.

Justeru, keadaan kerja yang tidak selamat atau kurang baik, hubungan kerja yang tidak sihat dan pengangguran boleh menyumbang pada keburukan kesihatan mental atau memburukkan lagi kesihatan mental sedia ada.

Tambahnya, isu-isu negatif, seperti diskriminasi jantina, umur, bangsa dan kelainan upaya boleh menjadi lebih ketara, di tempat kerja.

Oleh itu, intervensi organisasi adalah diperlukan untuk mencegah risiko kesihatan mental di tempat kerja, termasuk memberi latihan kepada pengurus untuk mengelakkan persekitaran tempat kerja yang tertekan dan memeduli pekerja-pekerja yang sedang mengalami tekanan.

## Kesihatan mental, kesejahteraan diri menjadi salah satu keutamaan global

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Oktober. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022 menekankan, kini tiba masanya untuk kita memastikan kesihatan mental dan kesejahteraan diri menjadi salah satu keutamaan global.

Ini, termasuk menggandakan usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental dan mengurangkan stigma mengenai topik berkaitan dengan kesihatan mental.

Oleh itu, sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia, Kementerian Kesihatan akan menganjurkan beberapa aktiviti dan acara untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental melalui jerayawara serta bengkel bersama pihak-pihak berkepentingan.

Kementerian Kesihatan juga akan melancarkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental (Mental Health Action Plan) bagi Negara Brunei Darussalam, di mana merupakan langkah penting untuk menekankan komitmen Negara Brunei Darussalam ke arah penjagaan kesihatan mental.

Pelan tindakan ini merupakan tanda komitmen Brunei Darussalam dalam memenuhi saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam Pelan Kesihatan Mental yang terbarunya, iaitu WHO Comprehensive Mental Health Action Plan 2013 - 2030 untuk memastikan agenda-agenda berkaitan kesihatan mental diberikan perhatian yang sewajarnya dan dapat dilaksanakan dengan berkesan di seluruh dunia, termasuklah di Negara Brunei Darussalam

"Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mengutamakan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan diri mereka serta ahli keluarga dan rakan-rakan mereka.

"Antara aktiviti yang boleh dilakukan bersama ahli keluarga adalah seperti melakukan aktiviti riadah yang sihat, seperti bersenam bersama-sama," ujar Yang Berhormat lagi.

Di samping itu, mereka juga dinasihatkan untuk mengongsikan mengenai sebarang kebimbangan, perasaan negatif yang dialami dan kesihatan mental tanpa prasangka buruk atau menghakimi bersama ahli keluarga atau rakan-rakan.

Kita juga perlu peruntukan masa untuk diri sendiri dengan melakukan aktiviti relaksasi atau kerohanian, seperti berzikir atau melakukan meditasi secara berkala, malah mengurangkan penggunaan media sosial juga boleh membantu kesihatan mental kita.

Mempelajari dan menguasai kemahiran baharu juga boleh membantu membina keyakinan dan mengukuhkan kesihatan mental seseorang individu.

Akhir sekali, Yang Berhormat ingin mengingatkan kepada orang ramai, bahawa Talian Harapan 145 disediakan sebagai talian bantuan krisis kesihatan mental kebangsaan dan sebagai sumber untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental.

Yang Berhormat juga ingin mendorong kita semua untuk bersama-sama bersatu maju ke hadapan dalam membantu meningkatkan kesedaran kesihatan mental di negara ini serta saling memberikan sokongan kepada mereka yang mengalami kesihatan mental.

# KE ARAH ALAM SEKITAR BERDAYA TAHAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Oktober. - Hari Pos Sedunia diraikan setiap 9 Oktober oleh Negara-negara Ahli Kesatuan Pos Sedunia (UPU) bagi memberikan kesedaran umum mengenai peranan pos, dalam perkembangan sosial dan ekonomi global.

Pada tahun ini, UPU memilih tema, 'Post for Planet' bagi memberikan kesedaran akan kepentingan peranan pos pada alam sekitar dan impak akibat daripada aktiviti seharian yang boleh mendorong pada perubahan iklim.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menggariskan perkara itu, dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Pos Sedunia Tahun 2022.

Menurut Yang Berhormat, tema pada tahun ini juga adalah demi mendukung matlamat United Nations Sustainable Development Goals ke arah persekitaran yang berdaya tahan.

Tambahnya, Penyedia Perkhidmatan Pos bagi 192 Negara Ahli UPU mempunyai lebih daripada 5 juta orang tenaga kerja dari lebih 600,000 pejabat, di seluruh dunia, di mana kesemua Penyedia Perkhidmatan Pos adalah bertanggungjawab bagi sama-sama menyumbang ke arah alam sekitar yang berdaya tahan.

Justeru Yang Berhormat menekankan, sebagai penyumbang utama pada industri penghantaran surat dan bungkusan, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) dan syarikat-syarikat kurier di negara ini adalah disarankan untuk sama-sama melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan lagi kesedaran ke atas alam sekitar.

Tuntutan untuk menyediakan perkhidmatan penghantaran surat serta bungkusan lebih mesra alam adalah bertepatan pada masanya dan inovasi memainkan peranan penting di dalam menangani perkara ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia juga bertepatan dengan Visi Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC 2025), iaitu untuk mencapai alam sekitar yang berdaya tahan (Environment Sustainability).

Ke arah ini, katanya, beberapa cabaran perlu masih diatasi, lebih-lebih lagi ketika hendak mewujudkan perkhidmatan penghantaran surat tradisi yang cekap dan berdaya maju semakin banyak saingan, seperti peralihan pada penggunaan mel elektronik dan sebagainya, telah mengakibatkan penurunan jumlah persuratan fizikal, yang pada lazimnya menjanakan hasil pendapatan.

Menyedari akan hakikat ini, model perniagaan JPP perlu melalui perubahan dan peralihan semasa.

Dalam pada itu, JPP bertekad untuk berinovasi dan melakukan penambaikan berterusan.

Ini, termasuk usaha berterusan mereka dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra alam, seperti membuat perancangan awal perjalanan dan destinasi dengan lebih teratur.

Selain daripada meningkatkan produktiviti ia juga lebih efisien dan menjimatkan.

Maka dalam usaha menjaga alam sekitar, JPP juga akan sentiasa berusaha dalam melaksanakan strategi dan kemajuan mengikut peredaran zaman.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Pos Sedunia Tahun 2022.**

Dan peranan pos juga akan sentiasa kekal relevan dalam aktiviti seharian bagi memenuhi kehendak pelanggan.

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Tutong

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**





**YANG Berhormat Menteri Pembangunan pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong bagi Tahun 1444 Hijrah, di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, di sini. Sementara gambar kiri, antara yang hadir memeriahkan majlis tersebut.**

**TUTONG**, Sabtu, 8 Oktober. - Selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ada dua perkara yang wajib kita lakukan iaitu perasaan Al-Hubbu iaitu cinta kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan Al-Ittiba iaitu mengikut petunjuk Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perasaan Al-Hubbu itu, adalah berdasarkan sebuah hadis Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, "Tidak sempurna iman seseorang sehinggalah, Aku manusia paling dia sayang melebihi sayang kepada bapanya, melebihi sayang kepada anak-anaknya dan melebihi sayang terhadap manusia-manusia seluruhnya.

"Maka, jika seseorang meletakkan cinta nabi itu melebihi kepada mana-mana manusia, maka ia telah mencapai tahap kesempurnaan iman".

Perkara tersebut antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Danau, Awang Abdul Hadi bin Abdul Rahman pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong bagi Tahun 1444 Hijrah, di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, di sini.

Sementara itu, Al-Ittiba (Mengikuti petunjuk Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam), katanya, kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengakui, mencintai Allah Subhanahu Wata'ala hendaklah mengikut segala apa yang ditunjukkan oleh Nabi Junjungan Besar kita dari segi perkataan, tingkah laku dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berdasarkan Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali Imran, ayat 31, tafsirnya, *"Katakanlah wahai Nabi Muhammad! Jika kamu mengasihi Allah maka ikutilah Aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

Jelasnya, kerana yang benar mencintai Allah Subhanahu Wata'ala itu, adalah yang mengikuti dan mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikuti segala suruhan dan meninggalkan larangan-Nya, maka ini adalah jalan wasilah untuk mendapat kasih sayang dan redha Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, sebagai kesimpulan, dua perkara ini wajib ada pada diri seorang mukmin terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Al-Hubbu dan Al-Ittiba.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat. Seterusnya Selawat Tafrijiyyah oleh Guru-guru Ugama Jabatan Pengajian Islam dan seterusnya tazkirah.

Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban oleh para Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong dan sejurus selepas itu bacaan Doa Selamat oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, Awang Mohd. Waiz bin Tajuddin.

Majlis diakhiri dengan laungan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diketuai oleh Awang Haji Masri bin Haji Mohammad.

## Belait

**Oleh : Noraisah Haji Muhammed**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1444 Hijrah, di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas), sementara gambar kiri, Persembahan Dikir Marhaban, yang dialunkan oleh gabungan Pegawai-pegawai Masjid, Guru-guru Ugama dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Belait.**

**BELAIT**, Sabtu, 8 Oktober. - Sambutan Maulud Nabi merupakan antara amalan yang lazim diraikan sebagai salah satu usaha untuk mendidik dan mengingati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teladan dan contoh serta pedoman, dalam mendidik jiwa serta rohani untuk mengasihi Baginda.

Negara juga menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di mana bagi Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1444 Hijrah, tumpuan sambutan diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, bertemakan 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Hadir selaku tetamu khas di majlis tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pekan Seria, Awang Haji Aminorddin bin Haji Mohd. Yussof.

Seterusnya Persembahan Dikir Marhaban, yang dialunkan oleh gabungan Pegawai-pegawai Masjid, Guru-guru Ugama dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Belait.

Majlis juga diserikan dengan Tazkirah Khas mengenai tema majlis, disampaikan oleh Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Mulok.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, dibawakan oleh gabungan Pegawai-pegawai Masjid, Guru-guru Ugama dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Daerah Belait.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pekan Seria, Awang Haji Aminorddin.



**TAZKIRAH Khas disampaikan oleh Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Mulok.**

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Temburong



YANG Mulia Timbalan Menteri Pertahanan pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong bagi Tahun 1444 Hijrah, diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di Permata Hijau, di sini.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TEMBURONG**, Sabtu, 8 Oktober. - Kita sebagai umat Islam, menjadikan diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh teladan bagi kita sama-sama mengharungi kehidupan masa kini.

Tepat sekali, Rabiulawal yang sedang kita lalui sekarang menjadi satu titik tolak untuk membuktikan kecintaan kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seterusnya menerapkan akhlak Baginda bukan setakat dalam diri, bahkan juga orang yang terdekat dengan kita.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong bagi Tahun 1444 Hijrah, diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di Permata Hijau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat khas pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Abdul Razak bin Haji Abd. Kadir.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, dibacakan oleh Naib Johan, Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H / 2022 Masihi, Awang Muhammad bin Ali.

Sejurus selepas itu, diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas, disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid.

Dalam Ceramah Khasnya, beliau antara lain menghuraikan tentang syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan apakah cara-cara untuk mendapatkan syafaat tersebut.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai kaedah bersabar, berikhtiar, bertawakal dan berdoa.

Acara kemudian disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah secara beramai-ramai.

Bagi mengakhiri majlis, bacaan Doa Selamat, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Mohammad Salleh Pekan Bangar, Daerah Temburong, Awang Haji Shafrillah bin Haji Abd. Majid.

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini ialah 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakal dan Berdoa Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim; Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri; Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Supt. Haji Irham bin Haji Mohd. Arshad; serta pegawai-pegawai kerajaan dan penduduk sekitarnya.



ANTARA yang hadir menyemarakkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong bagi Tahun 1444 Hijrah.



CERAMAH Khas, disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid.

## Brunei dan Muara

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**LAMBAK KANAN,** Sabtu, 8 Oktober. - Bersempena memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Perpindahan Lambak Kanan mengadakan Majlis Hubbunnabi Sallallahu Alaihi Wasallam, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis yang diadakan di Masjid Perpindahan Lambak Kanan, di sini, dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid berkenaan, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini.

Ini diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2021 Masihi, Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas sempena Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarah Agama (JAMA'AT), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Awang Muhamad Nur Amin bin Haji Jali.

Dalam ceramahnya antara lain menjelaskan, menzahirkan rasa gembira atas syiar-syiar agama serta atas keberuntungan kita sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau juga menyentuh mengenai peristiwa-peristiwa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kemudian majlis disusuli dengan Dikir Diba'ie (Selawat Badriah dan Thola'al Badru) serta bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Muhammad Saifullah bin Md. Daud.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan antara yang hadir pada Majlis Hubbunnabi Sallallahu Alaihi Wasallam, yang diadakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Perpindahan Lambak Kanan, di Masjid Perpindahan Lambak Kanan (atas dan kiri).





PERSEMBAHAN bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2021 Masihi, Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran dan Ceramah Khas sempena Maulidur Rasul, disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarah Agama (JAMA'AT), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Awang Muhamad Nur Amin bin Haji Jali (kiri dan kanan).

PELITA BRUNEI

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Pasukan Polis Diraja Brunei

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**MAJLIS Penutup Dikir Maulidur Rasul Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berlangsung di Surau Polis Gadong dan dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Oktober. - Bersempena dengan menyambut Hari Kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang jatuh pada 12 Rabiulawal 1444 Hijrah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) juga tidak ketinggalan meraikannya dengan mengadakan pelbagai acara keagamaan bagi menyemarakkan lagi Maulidur Rasul.

Justeru, PPDB melalui Badan Ugama Islam (BUI) mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulidur Rasul setelah mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut, di Surau Polis Gadong, PPDB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan bagi sama-sama menyemarakkan majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali berserta Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI).

Juga hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Penguasa Polis (Superintendent), Mohamad Amirruddin bin Haji Tunjang selaku Pengerusi Badan Ugama Islam (BUI) PPDB, pengarah-pengarah dan timbalan jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan anggota pangkat rendah PPDB berserta Ahli PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Dikir Marhaban dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah serta bacaan Doa Selamat.

## Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam



**ANTARA yang hadir pada Majlis Penutup Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah, yang diadakan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Keugamaan PPNBD.**

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**BERIBI**, Sabtu, 8 Oktober. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Keugamaan PPNBD semalam mengadakan Majlis Penutup Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah, yang diadakan di Balai Ibadah persekutuan berkenaan, di sini.

Hadir sama ke majlis tersebut, Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Paduka Ar Haji Idris bin Haji Abas.

Turut sama hadir, Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali, Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya, Pemimpin Pengakap, Ahli-ahli Pengakap Dewasa serta Ahli-ahli Pengakap, terdiri daripada Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disusuli dengan Persembahan Dikir, yang merupakan acara tahunan bagi menyemarakkan 12 malam bulan Rabiulawal.

Sebelumnya Majlis Dikir diadakan selama 11 hari, di Balai Ibadah PPNBD.

Majlis antara lain merupakan aktiviti keagamaan yang dijalankan setiap tahun sebagai tujuan perpaduan dan kekeluargaan dalam kalangan Ahli-ahli PPNBD serta usaha berterusan untuk melibatkan para belia, dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Maulidur Rasul, seterusnya menanamkan perasaan cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

## Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**CERAMAH Motivasi disampaikan oleh pakar motivasi undangan dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Sharifah Khadijah binti Husein Alkaff.**

**GADONG**, Ahad, 9 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1444 Hijrah, Badan Ugama Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) menganjurkan Majlis Ceramah Motivasi, di Surau Polis Gadong, Pasukan Polis Diraja Brunei, di sini.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI dari tujuh Cawangan PEKERTI, di seluruh negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan Ceramah Motivasi, bertajuk 'Niyyah', disampaikan oleh pakar motivasi undangan dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, iaitu Dayang Hajah Sharifah Khadijah binti Husein Alkaff.

Inti pati ceramah, antara lain berkenaan menyingkap mengenai keperibadian junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh terbaik serta aspek kepentingan *niyyah* atau niat, di dalam menjalani kehidupan seharian.

Sebagai umat Islam juga adalah disaran untuk sentiasa berselawat sebanyak mungkin sepertimana yang diriwayatkan daripada Abu Darda' Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : *"Barang siapa yang berselawat ke atasku di waktu pagi sebanyak sepuluh kali dan di waktu petang sebanyak sepuluh kali, ia mendapat syafaatku pada hari kiamat".* (Hadis riwayat ath-Thabarani).

## Projek Amal Impian Cahaya Iman

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Ahad, 9 Oktober. - Projek Amal Impian Cahaya Iman mengungkayahkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul, yang diselajurkan dengan Penyampaian Sumbangan Derma bagi golongan tertentu, di De Dream Event Co., No. 10, Simpang 6, Unit 7, Ground Floor, Block 'A', Berakas Centre, Jalan Pasir Berakas, Kampung Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Datin Roslina Ismail.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran Surah Al-Baqarah, ayat 155 hingga 157 oleh Dayang Nur Adila Syazwani binti Ali, Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Tahun 9, yang pernah menjuarai Tilawah Al-Quran, pada tahun 2020 peringkat ITQSHHB.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan Ceramah Maulidur Rasul, disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman, bertajuk 'Bersabar, Berikhtiar, Berdoa dan Bertawakal Menghadapi Ujian : Meraih Syafa'at Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Dalam ceramahnya, beliau antara lain berkata, meneladani Rasulullah dalam semua aspek kehidupan merupakan satu tuntutan bagi meraih kebahagiaan di dunia mahupun akhirat serta sifat-sifat baginda seperti sewajarnya diterapkan dalam kehidupan seharian kita.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan naskhah-naskhah Al-Quran kepada seramai enam anak yatim terpilih.

Pada majlis itu juga, sebanyak tujuh buah keluarga, terdiri daripada anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal dan golongan asnaf menerima sumbangan yang diagihkan oleh para penderma serta infak daripada hamba-hamba Allah kepada keluarga penerima.

Acara disusuli dengan bacaan Doa Selamat, dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hajar binti Haji Mohyedeein.

Majlis tersebut merupakan acara tahunan Projek Amal Impian Cahaya Iman, dipengerusikan oleh Ketua Biro Wanita serta Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB), Dayang Faridah binti Haji Awang Mohd. Taufik.

Ia bertujuan bagi memperingati tarikh kelahiran junjungan besar kita Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, selain mengambil iktibar dan memperingati sirah perjuangan baginda yang penuh dengan nasihat, pengajaran, akhlak serta pengorbanan demi menegakkan agama Islam, di bumi Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, majlis bertujuan bagi menjemput dan berkongsi bersama keluarga-keluarga yang hadir untuk memupuk perasaan cinta serta kasih kepada Rasulullah yang sentiasa menyayangi dan merindui umatnya.



**SEKITAR Majlis Sambutan Maulidur Rasul, yang diselajurkan dengan Penyampaian Sumbangan Derma bagi golongan tertentu, diungkayahkan oleh Projek Amal Impian Cahaya Iman.**

سوارا سوچي

# برصلوات: منظاهيركن كچينتاأن ترهادڤ رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن سبنر-بنر تقوى ياٴيت دڠن منيڠكتكن كايمانن كڤدان. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاٴيڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براٴوله كحياٴن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كيت سكارڠ برادا دبولن ربيع الأول، بولن يڠ منجاتتكن ڤريستيوا ڤنتيڠ دان أمة برمعنى باڬي سلوروه أومة إسلام كران دالم بولن إينله لاهيرڽ جونجوڠن بسر كيت نبي محمد صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دان كلاهيرن بڬندا تله ممباوا سينر دان رحمة كسكالين عالم. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الأنبياء، آية ١٠٧:

**تفسيرڽ:**

**دان كامي تيدق مڠوتوس اڠکو (واهي نبي محمد) ملاٴينكن انتوق منجادي رحمة باڬي سكالين عالم.**

لبيه ١٤٠٠ تاهون يڠ لالو، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ تله مڠوتوس نبي محمد صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انتوق ميمڤيكن رساله إسلام باڬي ممندو أومة مانسي كاٴره كحياٴن دنيا دان جوڬ أخيرة. بڬندا تله برجاي ميبياركن إسلام سهيڠڬ أڬام إسلام ايت ممڤو برديري كوكوه هيڠڬ كساعة اين. بڬندا تله برجاي ممباڠون ستروكتور كهيدوڤن يڠ مپلوروه دان سمڤورنا باڬي منچاڤاي كحياٴن هيدوڤ دنيا دان أخيرة، دڠن منجاديكن أخيرة ايت سباڬي متلامة يڠ ترأخير دان ككل أبادي.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ممبري ڤڠحرمتن يڠ تياد تولوق بنديڠڽ دڠن ملتقكن كدودوقن رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ايت ڤد تمڤت يڠ تيڠڬي دان أمة إستيميوا دسيسين. بڬيتو جوڬ دالم كالڠن أومة إسلام سنديري. بڬندا أمة دكاسيهي، دچينتاي دان دسانجوڠي.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سباڬي أومة إسلام، انتارا چارا كيت باڬي منظاهيركن تندا چينتا دان تندا كاسيه كيت ترهادڤ رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ايت سباڬيمان يڠ جلس دسبوتكن دالم أجارن إسلام:

**ڤرتام:** منطاعتي سڬل سوروهن دان منيڠڬلكن سڬل لارڠن بڬندا رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

**كدوا:** منلاداني أخلاق بڬندا رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

**كتيڬ:** مڠهيدوڤكن سنه رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دڠن برڤڬڠ تڬوه كڤد أجارن القرآن دان سنه بڬندا.

**كامڤة:** ممڤربانيق أوچاڤن صلوات دان سلام كاٴتس رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

سسڠڬوهڽ صلوات ايت اداله سنة انتوق دلفظكن ڤد بيلا٢ ماس سهاج تنڤا مڠيرا وقت دان بوكن هاڽ دلفظكن ڤد وقت٢ ترتنتو سڤرت بولن ربيع الأول اتوڤون ڤد هاري كلاهيرن بڬندا سهاج.

دالم حديث٢ رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اد دسبوتكن مڠناٴي كلبيهن٢ يڠ دكورنياكن كڤد اورڠ٢ يڠ برصلوات كاٴتس رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. انتاراڽ:

**ڤرتام:** منداڤة كدودوقن يڠ أوتام دسيسي رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ڤد هاري قيامة كلق. **درڤد عبدالله بن مسعود رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: ساٴوتام-أوتام مانسي دسيسيكو ڤد هاري قيامة اداله اورڠ يڠ ڤاليڠ باپق برصلوات كاٴتسكو. {حديث رواية إمام ترمذي}**

**كدوا:** دكنداكن ڤهلا برصلوات. **درڤد أنس بن مالك رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:**

**مقصودڽ:**

**بارڠ سياڤ برصلوات كڤد كو ساتو كالي، مك الله اكن مڠاٴوجڤكن صلوات كڤداڽ سڤولوه كالي، دهاڤوسكن درڤداڽ سڤولوه كسالهن، دان إي داٴڠكت سڤولوه درجة انتوقڽ. {حديث رواية إمام نسائي}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

صلوات ايت ميمڠ جوكوڤ موده انتوق دلفظكن دان تيدق مڠمبيل ماس يڠ لاما انتوق ملاكوكنڽ دان سكورڠ-كورڠ لفظ صلوات ايت اياله:

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اَلِ مُحَمَّدٍ

سسڠڬوهڽ أوچاڤن صلوات اداله ساتو عمالن يڠ مليا يڠ ڤستي منداڤة ڬنجارنڽ درڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. اوله ايت، اڤبيل نام نبي محمد صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دسبوت، مك كيت هندقله مڠاٴوچڤكن صلوات كاٴتس بڬندا رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

ڤرلو داٴيڠة، بهوا اورڠ٢ يڠ تيدق مڠاٴوچڤكن صلوات اڤبيل مندڠر نام بڬندا دسبوت اداله ترڬولوڠ اورڠ يڠ بخيل دان كدكوت. **درڤد علي بن أبي طالب رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:**

**مقصودڽ:**

**اورڠ يڠ كدكوت (بخيل) اداله اورڠ يڠ كتيك نامكو دسبوت تتاڤي دي تيدق برصلوات كاٴتسكو. {حديث رواية إمام ترمذي}**

أخير، موده-مودهن صلوات يڠ كيت باچ دڠن راس كاسيه سايڠ ايت، كيت اكن براٴوليه شفاعة دان ڤرتولوڠن درڤد بڬندا دهاري أخيرة كلق. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**سسياڤ يڠ طاعة كڤد رسول الله مك سسڠڬوهڽ دي تله طاعة كڤد الله، دان سسياڤ يڠ برڤاليڠ (درڤد كطاعتن ايت) مك (جاڠنله اڠکو بردوكاچيتا واهي نبي محمد) كران كامي تيدق مڠوتوس اڠکو انتوق منجادي ڤمليهارا مريك (درڤد ملاكوكن كسالهن). { سورة النساء آية : ٨٠ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤپاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ (3 كالي).

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (3 كالي).

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ (3 كالي).

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (3 كالي).

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملث ( تولق بلاء)

### (1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

### (2)

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

### (3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

### (4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

### (5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

JKR
DME

## NOTIS JUALAN BESIBURUK DAN BARANG GUNAHABIS

| Tawaran | | | | Tarikh Tutup Menghantar Borang Tawaran Ke Dalam Peti Tawaran (Tidak Dibenarkan Mengambil Borang Tawaran) |
|---|---|---|---|---|
| Tarikh Mula | Tarikh Melihat, Mengambil Dan Menghantar Borang Tawaran (Waktu Bekerja) | | | |
| 15/10/2022 (Sabtu) | 15/10/2022 (Sabtu) - 19/10/22 (Rabu) | | | 20/10/2022 Sebelum Jam 9.00 Pagi (Khamis) (Membuka Peti Tawaran) |
| | Isnin - Khamis | Pagi : 8.30 - 11.30 Pagi | | |
| | | Petang : 1.30 - 3.00 | | |
| | Sabtu | Pagi : 8.30 - 11.30 Pagi | | |
| | | Petang : Tutup | | |

| Lot | Keterangan | Bertempat |
|---|---|---|
| 1 | Peralatan Elektrik, Kenderaan, Perabot Pejabat Dan Besi - Besi Yang Terpakai | Kawasan Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R Sinarubai |

| Jabatan / Kementerian | No. Rujukan Kebenaran Kewangan | Tarikh Kebenaran Kewangan |
|---|---|---|
| Jabatan Tenaga | KKW/ADM/KEM/1A | 12 Disember 2020 Bersamaan 26 Rabiulakhir 1442 |
| Jabatan Perkhidmatan Elektrik | KKW/ADM/JBT/11 | 14 Februari 2015 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1435 |

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TAWARAN BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN KE ATAS BANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH DAN MAKTAB-MAKTAB, KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH PERKHIDMATAN DUA (2) TAHUN

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 76 / 2022 / 2023 (AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 77 / 2022 / 2023 (AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Sukan, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 78 / 2022 / 2023 (AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 79 / 2022 / 2023 (AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 80 / 2022 / 2023 (AKS-OKT-2022)

Keterangan Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 November 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
66 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2022

Tajuk Sebut Harga :
FORTIGATE-1101E LICENSE RENEWAL FOR MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
26 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 009 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Re-Tender:
Tawaran Perkhidmatan Kantin Di Kolej Kediaman Siswa, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen)
BND55.00 [Tidak Dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 010 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court' Di Bangunan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Dokumen & Pentadbiran (Termasuk E-Dokumen)
BND15.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

Jawatan :
Kerani Bahasa Arab Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian :
IV

Tangga Gaji :
D.1-2-3 EB. 4-5
(BND530.00 - BND1,625.00)

Kekosongan :
SATU (01)

Tarikh Buka Permohonan :
Rabu,
28 September 2022

Tarikh Tutup Permohonan :
Rabu,
12 Oktober 2022

Rujukan Iklan :
UNISSA / KBA / 003 / 2022

**JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2223-QTN.12 / FSS

Tajuk Tawaran :
The Supply And Delivery Of Fourteen Thousand (14,000) Pieces Of Negara Brunei Darussalam's Flag 3' X 6' Cotton Printed With State Colour And State Crest In Red Colour On One Side For The Treasury Department, Ministry Of Finance And Economy

Tarikh Tutup / Jam :
Sabtu,
15 Oktober 2022,
Jam 9.00 Pagi

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KES NO. BCY / CP / 93 / 2022**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**DARMAN BIN HAJI SUBOH**
**(BYIC No. 00-270323)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 (R1-5)**, Mahkamah Besar pada **21 November 2022, jam 9.00 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 November 2022, jam 9.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**20 September 2022**

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 135 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MUHAINI BIN HAJI ABDUL WAHAB**
**(BYIC No. 00-129563)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi **Tingkat 2, Bilik (R2-3)**, Mahkamah Besar pada **17 Oktober 2022, jam 10.15 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **17 Oktober 2022, jam 10.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**22 September 2022**

**MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 87 / 2021**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**HAJI MOHAMMAD NOR AZLIN BIN HAJI IBRAHIM**
**(BYIC No. 00-256199)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Februari 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi **Tingkat 1, Bilik (R1-3)**, Mahkamah Besar pada **24 Oktober 2022, jam 3.00 petang.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **24 Oktober 2022, jam 3.00 petang** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**24 September 2022**

**DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima
Rasmi
Mahkamah Besar

---

جابتن كاجي چواچ بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JKBD / 2020 / SH-25 (R)**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan : Refurbishment Of Weather Observation Station Building At Brunei International Airport**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,**
**2 November 2022,**
**Jam 9.00 Pagi**

**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**DOE / IT.2.2.6 / 3**

**Tajuk Tawaran :**
**DOE DASHBOARD**

**Information Day :**
**Khamis,**
**27 Oktober 2022**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa,**
**8 November 2022,**
**Tidak lewat jam**
**2.00 Petang**

---

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH 2005**

**SAMAN GANTIAN DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Saman No. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 0571 / 08-2022**

ANTARA

**NORAUDAH BINTI HAJI BRAHIM**
- PLAINTIF - Pemohon

DAN

**ASMAN BIN HAJI AJAMAIN**
- DEFENDAN - Responden

**Kepada :**
**ASMAN BIN HAJI AJAMAIN**
**No. Kad Pengenalan :**
**00-307126 (Kuning),**

**Beralamat :**
**No. 1976,**
**Kampung Junjungan,**
**Jalan Limau Manis,**
**Lumapas,**
**Negara Brunei Darussalam**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di Daerah Brunei dan Muara pada Khamis, **24 Rabiulawal 1444H / 20 Oktober 2022M pada jam 2.30 petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Tuntutan Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar mahkamah pada hari dan masa ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**29 Muharam 1444H**
**/ 27 Ogos 2022M**

**METERAI**
**Mahkamah Rendah Syariah**
**Daerah Brunei dan Muara**
**Negara Brunei**
**Darussalam**

PELITA BRUNEI
**PERATURAN PENGIKLANAN**
**(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)**
DI PELITA BRUNEI

2 MINGGU SEBELUM
IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 8622969**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**KES NO. BCY / CP / 486 / 2012**

**Nama Penghutang -** Sopian bin Daud (BYIC No. 00-261040) - **Alamat -** No.16, Simpang 154-6, Jalan 77, Kg. Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 486 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 61.36%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**KES NO. BCY / CP / 537 / 2010**

**Nama Penghutang -** Bakar bin Duraman (BYIC No.: 00-113867). **Alamat -** No. 826, Kg. Selangan, Jalan Batang Duri, Temburong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 537 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 59%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**KES NO. BCY / CP / 217 / 2016**

**Nama Penghutang -** Norerwandi bin Hj Damit (BYIC No. 306344) - **Alamat -** No. 8, Spg. 737, Kg. Negalang Ering, Jln. Labu, Temburong PC2351, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 217 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 51.13%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga**

**KES NO. BCY / CP / 474 / 2009**

**Nama Penghutang -** Rahimah binti Hj. Gani (BYIC No. 00-127506). **Alamat -** No. 5, Spg. 35, Jalan Basong, STKRJ, Kampung Lugu, BG2921, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 474 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 68%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Ketiga **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 462 / 2012**

**Nama Penghutang -** Amir Hamzah bin Haji Muhammad (BYIC No. 00-118751) - **Alamat -** No. 4, Jln. 31, Simpang 40, RPN Kg. Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 462 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**KES NO. BCY / CP / 433 / 2008**

**Nama Penghutang -** Saiful Zaman bin Jabidin (BYIC No. 00-285317) - **Alamat -** No. 52, Simpang 142-5, Jln. Bukit Sinadur, Kg. Perumahan Negara Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri BU1729, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 433 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**HAJAH NORMAZDINA BINTI HJ MD MASKUB**
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**KES NO. BCY / CP / 47 / 2020**

**Nama Penghutang -** Safri bin Hj Bangok (BYIC No. 00-258827) - **Alamat -** No.11, Lot. 39, Spg. 82-5-34, STKRJ Kampung Rimba, Gadong BE3319, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 47 Tahun 2020. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 45.23%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 145 / 2003**

**Nama Penghutang -** Ibrahim bin Haji Moktal (BYIC No. 00-014359) - **Alamat -** No. 14, Jln. 2, Simpang 21, RPN Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 145 Tahun 2003. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 74.69%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 165 / 2016**

**Nama Penghutang -** Apsah binti Sabtu (BYIC No. 00-063548) - **Alamat -** No. 111, Jalan Wasai Limuru Barat, Perpindahan Teres Tanah Jambu, Jln. Bukit Kabun, BT2928, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 165 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 57%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Kedua **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 281 / 2007**

**Nama Penghutang -** Hajah Aidah bte Haji Mohd Yusof (BYIC No. 00-052192) - **Alamat -** No. 5, Simpang Jalan C, Perumahan Kampung Mentiri BU2129, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 281 Tahun 2007. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 52.13%. **Pertama atau terakhir selainnya -**Kedua **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**KES NO. BCY / CP / 471 / 2016**

**Nama Penghutang -** Haji Ja'afar bin Haji Yusof (BYIC No. 00-114499) - **Alamat -** No. 17, Spg. 61, Jalan Kecil Masin, Spg. 9, Kg. Masin, Mukim Pengkalan Batu BH2723, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 471 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 55.86%. **Pertama atau terakhir selainnya**. Kedua **Bila Kena Dibayar -** 21 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
**21 September 2022**

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bilangan Tawaran :**
**KHEU / BDP / 164 / 149 / 2022**

**Tajuk Tawaran :**
**TERM CONTRACT FOR ELECTRICAL MAINTENANCE WORKS AND EMERGENCY WORKS FOR JABATAN HAL EHWAL SYAR'IAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA (LAMA) FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS.**

**Bayaran Yuran Tawaran :**
**BND5.00**
**(Dikenakan bayaran)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Rabu,**
**26 Oktober 2022,**
**Jam 2.00 Petang**

---

**HOSPITAL SURI SERI BEGAWAN KEMENTERIAN KESIHATAN**

**IKLAN TAWARAN SECARA AM**

**JUALAN LELONG**

**Bilangan Tawaran :**
**01 / KPE / SSBH / 2022**

**Bagi**

**1 Unit Computed Tomography (CT) Scan Machine, Brillance 16 CT**

**Pada :**
**Rabu,**
**5 Oktober 2022 hingga**
**Rabu,**
**19 Oktober 2022**
**(Sehingga jam 11.00 Pagi)**

---

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**PPN / ASSET / BUU / QTN / 2022 / 9 / 2**

**Tajuk Tawaran :**
**'QUOTATION FOR SUPPLY AND DELIVERY OF TEXT BOOKS FOR COLLECTIONS OF THE LAW LIBRARY, ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BANDAR SERI BEGAWAN'**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa,**
**11 Oktober 2022,**
**Tidak lewat dari**
**jam 2.00 Petang**

---

**PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**PPN / ASSET / BUU / QTN / 2022 / 9 / 1**

**Tajuk Tawaran :**
**'QUOTATION FOR SUPPLY, DELIVERY AND FIXING HIGH CAPACITY OFFICE PAPER SHREDDER AT ATTORNEY GENERAL'S CHAMBER, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, BA1910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 11 Oktober 2022,**
**Tidak lewat dari**
**jam 2.00 Petang**

# IMBASAN MINGGUAN



PARA graduan KUPU SB senyum tanda gembira sebaik sahaja menerima sijil masing-masing. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai acara Brunei Run 2022 sempena Hari Jantung Sedunia 2022 semasa Program Bandarku Ceria, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEORANG petugas ketika membuat pengambilan darah sempena Kempen Derma Darah anjuran Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.





SEBAHAGIAN daripada aksi perlawanan Piala FA Brunei 2022 di antara DPMM FC menentang Jerudong FC, yang berkesudahan dengan kemenangan yang berpihak kepada DPMM FC, dengan jaringan 15 - 0. - Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

# PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG KAWASAN 2, RPN MENTIRI




Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas




**SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri (kiri dan atas).**

**MENTIRI**, Ahad, 9 Oktober. - Setelah melalui beberapa proses yang telah ditetapkan, seramai dua calon telah layak dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri selepas sesi temu duga dijalankan sebelum Ini.

Calon pertama ialah Mohammad Rakif bin Haji Alias, berusia 33 tahun (berumur 30 tahun semasa tarikh tutup iklan pada 8 April 2020) dan telah bermastautin di Kampung Kawasan 2, RPN Mentiri sejak tahun 1996.

Beliau memperoleh kelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun 2013. Sebelumnya, beliau berkhidmat di UNISSA dalam Program Perantisan i-Ready lepasan graduan pada tahun 2017 hingga 2020.

Manakala, calon kedua ialah Haji Moksin bin Haji Mokti, berusia 56 tahun (berumur 53 tahun semasa tarikh tutup iklan pada 8 April 2020) dan telah bermastautin di Kawasan 2, RPN Mentiri selama 22 Tahun.

Memperoleh kelulusan City and Guild of London in Communication in Technical English pada tahun 1987. Pada masa ini, beliau bertugas sebagai Bilal Tingkat II di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Mentiri berkenaan, Mohammad Rakif telah memperoleh sebanyak 111 undian sementara Haji Moksin telah mendapat 147 undian. Manakala, sebanyak 17 undi tidak bersetuju dan 13 undi rosak.

Menurut Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim semasa berucap pada majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, bahawa Ketua Kampung bertanggungjawab bagi mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan serta keharmonian hidup bermasyarakat dan sebagai mata, telinga, kaki dan tangan juga mendukung kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya lagi, pengundian menggunakan kertas undi (Ballot Paper) dibuka bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang. Sementara pengundian secara dalam talian melalui aplikasi mudah-alih e-Undi PMKK telah dibukakan mulai 7 Oktober 2022 dan ditutup pada jam 3.00 petang.

"Seiring dengan perkembangan teknologi infokomunikasi semasa, kaedah pengundian secara dalam talian melalui aplikasi mudah-alih e-Undi PMKK adalah satu alternatif tambahan kepada kaedah yang sedia ada bertujuan memberi peluang kepada penduduk kampung terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur tidak kurang 18 tahun untuk ikut serta mengambil bahagian dan melaksanakan tanggungjawab bagi menentukan pemimpin di peringkat akar umbi di mukim dan kampung masing-masing," jelasnya lagi.

Awang Misle seterusnya berkata, pengisian jawatan ketua kampung perlu melalui pelbagai proses yang ditetapkan, termasuk pengiklanan jawatan, menerima pencalonan, memperakukan calon, tapisan keselamatan, temu duga oleh ahli panel, pengundian serta pemilihan, sebelum sokongan dibuat dan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

## 250 penduduk RPN Tanah Jambu setuju undi Pengiran Mazrawi






**SEKITAR pemilihan calon Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu, Mukim Mentiri (kiri dan atas).**

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Oktober. - Seramai 398 penduduk kampung telah keluar mengundi bagi pemilihan calon Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu, Mukim Mentiri.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 250 orang telah bersetuju mengundi calon Pengiran Mazrawi bin Pengiran Haji Mahmud, sementara seramai 148 orang bersetuju mengundi calon Haji Norahidan bin Haji Ahmad. Manakala, tidak ada undi tidak bersetuju dan tidak ada undi rosak.

Calon pertama, Pengiran Mazrawi bin Pengiran Haji Mahmud, berusia 54 tahun dan telah bermastautin di Kampung Sungai Besar selama tujuh tahun sejak tahun 2015. Memperoleh kelulusan BDTVEC National Diploma in Radio, Television and Electronic Technology dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada tahun 2003. Sebelumnya beliau berkhidmat bersama Pasukan Polis Diraja Brunei lebih 28 tahun dengan pangkat Staf Sarjan.

Sementara itu calon kedua, iaitu Haji Norahidan bin Haji Ahmad, berusia 50 tahun dan memperoleh kelulusan 3 'O' level GCE. Pada masa ini, beliau masih berkhidmat dalam jawatan Pembantu Perkembangan Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Ketua Kampung RPN Tanah Jambu, Mukim Mentiri diadakan di Pusat Pembangunan Belia, Tanah Jambu, di sini.

Hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan berkenaan, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Kamal Ariffin bin Pengiran Haji Md. Yassin.

Pengiran Kamal Ariffin dalam ucapannya menjelaskan, bahawa dua kaedah telah digunakan pada majlis pengundian dan pemilihan berkenaan, iaitu pengundian menggunakan kertas undi (ballot paper) yang dibukakan sejak jam 8.00 pagi hingga ia ditutup pada jam 3.00 petang; dan pengundian secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi mudah-alih 'E-Undi PMKK' yang telah dibukakan mulai 7 Oktober 2022.

Menurutnya, seiring dengan perkembangan teknologi infokomunikasi semasa, kaedah pengundian secara dalam talian melalui aplikasi mudah-alih 'E-Undi PMKK' adalah salah satu alternatif tambahan kepada kaedah yang sedia ada, bertujuan memberi peluang kepada para penduduk kampung terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur tidak kurang 18 tahun untuk ikut serta mengambil bahagian dan melaksanakan tanggungjawab bagi menentukan pemimpin di peringkat akar umbi di mukim dan kampung masing-masing.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua-ketua Kampung yang dijalankan pada hari ini akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

# BIRO WANITA MPK SENGKURONG 'B' ANJURKAN MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG**, Ahad, 9 Oktober. - Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi berserta ahli-ahlinya sebagaimana lazimnya setiap tahun mengadakan Sambutan Maulidur Rasul, di mana pembukaan majlisnya diadakan pada 27 September lalu.

Sehubungan itu, diadakan Majlis Penutup Sambutan Maulidur Rasul, yang diselajurkan dengan Majlis Penghargaan kepada Ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' yang telah mencapai usia 70 tahun.



SEBAHAGIAN Ahli Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B' yang hadir pada Majlis Penutup Sambutan Maulidur Rasul, diadakan di Hotel Parkview.

Majlis yang mengambil tempat di Hotel Parkview itu dihadiri oleh lebih daripada 50 Ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan seramai 14 Ahli Biro yang diraikan, yang mencapai dan melewati usia 70 tahun.

Hadir selaku tetamu khas menyempurnakan penyampaian cenderahati dan sijil kepada yang diraikan, Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin.

Terdahulu bagi mengimarahkan lagi majlis, atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai, diketuai oleh Dayang Lauyah binti Haji Mohammad.

Sejurus itu, bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai oleh Pengerusi Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada beliau.

Majlis kemudian diserikan dengan beberapa Persembahan Dikir dan Tausyeh dan diakhiri dengan Dikir Marhaban beramai-ramai serta Doa Dikir, dibacakan oleh Dayang Hajah Rahimah binti Abas.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Nazirah binti Azizan.

Majlis Sambutan Maulud Nabi yang diadakan, antara lain bertujuan untuk memperingati sirah perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh dengan pengajaran dan pengorbanan demi menegakkan agama Islam di bumi Allah Subhanahu Wata'ala.

Bersukut baik dengan itu, Majlis Apresiasi yang diadakan pula adalah bagi sama-sama berkongsi kegembiraan dan melahirkan penghargaan kepada mereka yang sama-sama bertungkus lumus mencurahkan tenaga serta kerjasama, dalam mengukuhkan, memotivasikan dan memantapkan lagi perkumpulan Biro Wanita tersebut.



PENGERUSI Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohammad Yassin semasa menyampaikan ucapan.

# Khatam Al-Quran 76 Kali sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**MANGGIS / MADANG**, Ahad, 9 Oktober. - Jurai Keturunan Ahmad (JKA) buat julung kalinya menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran 76 Kali sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022.

Majlis tersebut berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu khas, Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Shari bin Ahmad selaku Penasihat JKA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Shari.

Ini diikuti dengan bacaan khatam beramai-beramai, dipimpin oleh Awang Ahmad Hazazi bin Haji Mohd. Jamil yang juga memimpin bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran.

Seramai 90 peserta, terdiri daripada cucu-cicit Awang Ahmad menyertai majlis khatam tersebut.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Asraqal / Marhaban oleh para peserta khatam, dikepalai oleh Awang Haji Jasni bin Haji Abdul Latif serta Selawat Tafrijiyyah dan Sayyidul Istighfar oleh Imam masjid berkenaan, Awang Muhd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Majlis itu didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin.

Seramai 160 orang daripada keluarga JKA menghadiri majlis berkenaan.



HADIR selaku tetamu khas, Yang Dimuliakan Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Shari bin Ahmad selaku Penasihat Jurai Keturunan Ahmad (JKA).



SERAMAI 90 peserta, terdiri daripada cucu-cicit Awang Ahmad (Jurai Keturunan Ahmad) menyertai majlis khatam berkenaan dan majlis juga diserikan dengan Dikir Asraqal / Marhaban oleh para peserta khatam (atas dan bawah).



MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.** Tarikh Tutup **: 12 Oktober 2022**
2. **'Cintai dan Hargai Kehijauan Hutan'.** Tarikh Tutup **: 19 Oktober 2022**
3. **'Lazimi Zikir Dalam Kehidupan Seharian'.** Tarikh Tutup **: 26 Oktober 2022**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pelita Brunei



# Memperkasa, menghargai warga emas tanggungjawab bersama

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Foto : Ihsan Wana HR, PERBEKAL**

TIDAK dinafikan warga emas merupakan aset penting negara dan hakikat ini tidak boleh disangkal, sebaliknya ia perlu dimanfaatkan. Walaupun sudah semakin berusia, sumbangan bagi pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara menerusi pengalaman, kepakaran serta kemampuan boleh terus dihulurkan. Jadi tidak hairanlah peribahasa ada menyebut mereka makan garam terlebih dahulu daripada kita.

### Pemerkasaan warga emas

Pemerkasaan warga emas harus menjadi keutamaan demi kelestarian masa depan. Warga emas berhak menikmati hak sama rata tanpa mengira latar belakang melalui sokongan dari segi penjagaan kesihatan, kebajikan dan sosioekonomi untuk menghadapi hari tua.

Dalam pada itu, perubahan gaya hidup dan amalan pemakanan memberi kesan terhadap kesejahteraan serta pola penyakit dalam kalangan masyarakat dan ini termasuk juga golongan warga emas. Apa yang penting kesejahteraan warga emas menjadi keutamaan menuju Wawasan Negara 2035 iaitu ke arah kehidupan yang berkualiti.

### Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE)

Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) kali Ke-32 di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta Negara-Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah diadakan pada 1 Oktober tahun ini dengan tema 'Daya Tahan dan Sumbangan Warga Emas Wanita' ataupun 'The Resilience and Contributions of Older Women'.

Sambutan HAWE ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penduduk warga emas yang semakin meningkat di NBD di samping keperluan untuk memastikan setiap warga masyarakat di negara ini berpeluang untuk mencapai umur tua dengan bermaruah serta berupaya untuk terus melibatkan diri dalam masyarakat sebagai warganegara yang mempunyai hak yang tersendiri.

Setentunya, sumbangan berterusan golongan warga emas juga sentiasa dihargai, khususnya sebagai sumber dalam mengongsikan pengalaman dan pengetahuan yang bernilai di samping peranan mereka dalam memegang keluarga dengan teguh melalui bimbingan dan nasihat.

Pada perutusan sempena Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWE) 2022, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad berkata menurut kiraan awal jumlah penduduk tahun 2021 bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2021, warga emas yang berumur 60 tahun ke atas merangkumi 10.1 peratus daripada jumlah rakyat dan penduduk di NBD.

### Utamakan kesejahteraan warga emas

Negara Brunei Darussalam memberikan keutamaan terhadap pembangunan, kebajikan dan kesejahteraan warga emas melalui Pelan Tindakan Warga Emas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) yang mana hampir 83 peratus daripada pelbagai aktiviti di bawah Pelan Tindakan bagi tahun 2017 hingga 2021 telah dan terus dilaksanakan.

Pembangunan bandar juga memenuhi keperluan komuniti warga emas seperti kemudahan riadah dan rekreasi bersesuaian. Pemerkasaan warga emas harus diangkat sebagai agenda penting negara supaya tiada golongan yang terpinggir. Justeru beberapa pusat-pusat kegiatan khusus bagi warga emas telah ditubuhkan di negara ini.

Penubuhan pusat-pusat Kegiatan Warga Emas di setiap daerah dihasratkan untuk menggalakkan golongan warga emas untuk bergiat lebih aktif dalam program keugamaan, aktiviti sosial dan pembangunan termasuk keusahawanan, latihan kemahiran dan penjagaan kesihatan. Ianya juga sebagai tempat bermuzakarah dan kemudahan bagi mereka mengendalikan sebarang aktiviti dan juga urusan ahli-ahli mereka.

Dengan adanya pelbagai aktiviti yang diungkayahkan ini akan dapat mencergaskan minda warga emas, menjaga kesihatan agar tetap sihat pada usia sedemikian malah dapat menyumbangkan buah fikiran terhadap sebarang aktiviti yang dijalankan.

### Projek Memeduli Warga Emas

Salah satu projek yang diungkayahkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat ialah Projek Memeduli Warga Emas dengan menumpukan terhadap kesejahteraan dan kebajikan warga emas yang kurang bernasib baik. Projek ini adalah langkah proaktif bagi mengatasi permasalahan disebabkan oleh kesihatan yang terjejas, kecacatan ataupun yang tidak mempunyai dukungan keluarga yang mantap serta menitikberatkan penglibatan ahli keluarga, masyarakat sekeliling dan para sukarelawan.

Warga emas di negara ini bertuah kerana sentiasa mendapat perhatian pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan tidak terpinggir dalam menghadapi masalah.

### Kebajikan warga emas

Pengiktirafan serta keprihatinan pihak kerajaan terhadap kebajikan warga emas di negara ini memang diambil berat yang mana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai akan kewujudan warga emas di negara ini dengan pelbagai inisiatif.

Kita perlu menyedari bahawa warga emas juga mempunyai hak untuk mendapatkan kasih sayang dan penghormatan dengan menjaga hak-hak mereka. Alhamdulillah, kesejahteraan warga emas di Negara Brunei Darussalam tidak diabaikan malah mereka juga menerima pelbagai kemudahan daripada pihak kerajaan seperti diberikan perbelanjaan bulanan iaitu Pencen Umur Tua.

Skim Pembayaran Pencen Umur Tua dan Hilang Upaya telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1955, sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, pada ketika Sultan yang Ke-28 bagi Negara Brunei Darussalam, supaya skim ini dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang pertama.

"Skim ini adalah bertujuan bagi memastikan golongan orang-orang tua dan orang-orang kelainan upaya di negara ini mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak Kerajaan." - Ucapan Hari Natal Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 24 Disember 1955. Skim ini juga bagi membantu warga emas menyara keperluan seharian mereka dan menjalani kehidupan yang bermaruah (*dignified living*).

### Kasih sayang keluarga tunjang kebahagiaan warga emas

Selaku umat Islam dituntut untuk saling hormat-menghormati antara satu sama yang lain iaitu yang berusia mengasihi yang muda dan begitu juga sebaliknya, yang muda pula menghormati mereka lebih berusia.

Jadilah seorang yang prihatin, mengasihi dan menyayangi golongan warga emas yang telah menabur budi serta berjasa kepada keluarga, bangsa dan negara. Keluarga yang bahagia akan sentiasa menjaga kesejahteraan orang tua dengan memberikan sepenuh kasih sayang, menjaga keperluan harian mereka dan meluangkan masa yang ada dengan berkumpul bersama mereka. Inilah kebahagiaan sebenar yang sangat diharapkan oleh warga emas dalam meniti usia mereka.

### Kesimpulan

Didiklah untuk sentiasa menghormati dan menyayangi warga emas serta menjaga tutur kata, tingkah laku dan bersopan. Amat wajar kita mempertingkat dan memperhebatkan sifat serta nilai murni ini agar terus kekal dan menjadi amalan harian generasi muda. Tanpa yang tua, tiada yang muda. Belajarlah daripada pengalaman mereka kerana setiap perhatian yang diberikan akan membuatkan mereka rasa dihargai.



# MILIKI BARANG KESALAHAN KASTAM : LELAKI TEMPATAN DITAHAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Oktober. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menjalankan gerakan operasi serta-merta, di sebuah penyimpanan rokok dan minuman keras, di Kampung Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara.

Hasil gerakan operasi JKED, yang dijalankan pada Rabu, 5 Oktober 2022, berjaya menahan seorang lelaki, warganegara tempatan, berumur 24 tahun, atas kesalahan memiliki barang-barang kesalahan kastam, iaitu 7,145 tin dan 468 botol minuman keras; 1,710 karton rokok; dan wang tunai berjumlah BND6,880.00 dipercayai hasil daripada aktiviti penjualan barang kesalahan kastam.

Semua barang terbabit dirampas dan individu terlibat dibawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JKED bagi siasatan lanjut.

- **JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara ini dan menghindari daripada melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan serta larangan kastam.**
- **MEMILIKI barang-barang tegahan kastam adalah menjadi satu kesalahan, di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.**

JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara ini dan menghindari daripada melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan serta larangan kastam.

Memiliki barang-barang tegahan kastam adalah menjadi satu kesalahan, di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan kastam dengan menghubungi menerusi talian utama JKED, +673 8714422 atau +673 8721422 atau pejabat kastam berdekatan.

Pihak JKED juga memberi jaminan, bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.




**PELBAGAI rokok dan minuman keras yang dirampas hasil gerakan operasi tersebut.**

# 45 saudara baharu ikuti Bengkel Fardu Kifayah



**SERAMAI 45 saudara baharu dari Kampung Long Mayan, Kampung Rambai, Kampung Benutan dan sekitarnya telah mengikuti bengkel Fardu Kifayah, bertujuan untuk memberikan bimbingan kepada para peserta mengenai tatacara menyempurnakan jenazah, bertempat di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan (atas dan bawah).**

**Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**LONG MAYAN**, Ahad, 9 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Da'wah Daerah Tutong dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan, Tutong mengadakan Bengkel Fardu Kifayah.

Seramai 45 peserta terdiri daripada saudara-saudara baharu dari Kampung Long Mayan, Kampung Rambai, Kampung Benutan dan sekitarnya telah mengikuti bengkel berkenaan bertempat di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan.

Bengkel Fardu Kifayah berkenaan bertujuan untuk memberikan bimbingan kepada para peserta mengenai tatacara menyempurnakan jenazah termasuk cara-cara memotong kain kafan dan memandikan, bacaan ketika memandikan, mengkafankan jenazah dan solat jenazah.



Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong PDI, Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

Turut hadir, Penghulu Mukim Ukong, Muhammad Danial bin Abdullah Yakub; Ketua Kampung Rambai, Muhammad Dahlan bin Kaslan; Ketua Kampung Benutan, Haji Muhammad Hairol Mazlan bin Haji Abd. Razak; dan Pemangku Ketua Kampung Long Mayan dan Bukit, Muhammad Eddy Suffian bin Abdullah.

Majlis penutup bagi bengkel berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Diikuti dengan ucapan daripada wakil peserta bengkel dan diteruskan dengan penyampaian sijil Bengkel Fardu Kifayah: Pengurusan Jenazah kepada para peserta bengkel.

Disusuli dengan peletakan Sudut Bacaan PDI bagi Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan Tutong.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa selamat dan bergambar ramai.

# Pemakluman mengenai produk Mie Sedaap

**Siaran Akhbar : Autoriti Makanan Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Oktober. - Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Agensi Makanan Singapura (SFA) telah menarik balik dua produk Mie Sedaap iaitu Mi Instan Kuah Pedas Ala Korea (Korean Style Spicy Soup Instant Noodle) dan Mi Instan Ala Korea Perisa Ayam Pedas (Korean Style Spicy Chicken Flavoured Instant Noodle).

Penarikan balik dua produk berkenaan adalah berikutan hasil ujian makmal yang melaporkan kehadiran sejenis racun perosak, etilena oksida, dalam produk tersebut.

BDFA telah menghubungi pengimport produk jenama berkaitan di Negara Brunei Darussalam dan telah mengesahkan bahawa tiada kemasukan produk-produk terbabit ke negara ini, dengan tarikh luput seperti yang dinyatakan.

Dua produk mi segera yang terbabit adalah keluaran Negara Indonesia iaitu Korean Style Spicy Chicken Flavoured Instant Noodle yang mempunyai tarikh luput pada 21 Mei 2023 dan Korean Style Spicy Soup Instant Noodle dengan tarikh luput 17 Mac 2023.

Etilena oksida merupakan sejenis racun perosak yang tidak dibenarkan dalam makanan dan akan menimbulkan masalah kesihatan jika terdedah dalam jangka masa panjang.

BDFA juga ingin mengingatkan kepada orang awam akan peruntukkan di bawah Bab 9 ceraian (1) sub-perenggan (i) Akta (Kesihatan Awam) (Makanan), (Penggal 182), bahawa sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh memudaratkan kesihatan boleh dipenjara selama lima tahun atau dikenakan suatu denda atau kedua-duanya sekali.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut bolehlah menghubungi BDFA di Unit 2G2 : 01, Tingkat 2, Blok 2G, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311, Negara Brunei Darussalam atau menghubungi menerusi talian +673 2237417 atau +673 2237476 atau +673 2237314 atau e-mel ke *info@bdfa.gov.bn*.



BERITA GLOBAL

# RUSIA BANGUNKAN POTENSI EKSPORT PERTANIAN, SEDIA BANTU NEGARA MEMBANGUN

**MOSCOW**, 9 Okt. - Presiden Rusia Vladimir Putin berkata potensi eksport Rusia semakin kukuh dan negara itu sudah bersedia untuk membantu negara-negara membangun, lapor Sputnik.

"Kami memenuhi permintaan domestik untuk produk asas dan penting selain menyediakan jaminan makanan yang boleh dipercayai.

"Selain itu kami sedang membina potensi eksport dan saya ingin tekankan perkara ini...kami bersedia untuk memberikan sumbangan untuk mengatasi krisis makanan global dan menyediakan bantuan diperlukan kepada negara-negara membangun paling miskin," kata Putin dalam satu kenyataan Ahad.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada rakyat sempena Hari Pekerja Industri Pertanian dan Pemprosesan.

Presiden Rusia itu mengakui bahawa sekatan Barat menimbulkan cabaran baharu tetapi negara akan tetap menyalurkan bantuan terhadap sektor berkaitan pertanian.

"Pertanian merupakan sektor utama ekonomi Rusia yang telah menunjukkan hasil meyakinkan dan kukuh dari tahun ke tahun.

"Oleh itu tahun ini kami menjangkakan penuaian bijirin mencecah rekod kira-kira 150 juta tan termasuk kira-kira 100 juta tan gandum manakala pengeluaran hasil ternakan juga meningkat," katanya.

Putin turut menggesa untuk menaik taraf sektor teknologi untuk pertanian Rusia.

"...kita mesti meningkatkan potensi dalam pemilihan, genetik dan pembiakan benih, menggalakkan peralihan kepada peralatan dan teknologi domestik moden dan mewujudkan suasana untuk aliran masuk pelaburan.

"Kerajaan pada September meluluskan strategi sektoral yang telah dikemas kini merangkumi tugas-tugas yang berkaitan," kata Presiden Rusia itu.

Negara-negara Barat telah meningkatkan sekatan ke atas Rusia sejak Moscow melancarkan operasi khas ketenteraan di Ukraine.

Gangguan dalam rantaian bekalan telah menyebabkan harga bahan api dan makanan menjadi lebih mahal di seluruh Kesatuan Eropah mendorong inflasi ke paras tinggi serta menyebabkan kos sara hidup meningkat. - ©BERNAMA

# Dana US$2 bilion untuk bantuan banjir Pakistan

**KARACHI**, 9 Okt. - Bank Dunia mengumumkan dana berjumlah US$2 bilion untuk melaksanakan semula pembinaan infrastruktur dan membantu berjuta-juta mangsa banjir di seluruh Pakistan.

Pengarah Negara Bank Dunia Najy Benhassine mengumumkan keputusan itu semasa mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan Pakistan Ishaq Dar di Islamabad pada Sabtu.

Beliau berkata peruntukan itu daripada projek pembiayaan sedia ada untuk "operasi kecemasan" bagi kawasan yang dilanda banjir, lapor Agensi Anadolu.

Pengumuman itu dibuat beberapa hari selepas Bank Pembangunan Asia mengumumkan US$2.3 billion hingga US$2.5 bilion sebagai "sokongan bantuan banjir" bagi membantu Pakistan.

Negara Asia Selatan itu dilanda banjir terburuk yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan, kira-kira US$1.5 bilion daripada jumlah itu akan disalurkan ke kawasan yang dilanda banjir tahun ini.

Hujan lebat berbanding kebiasaan yang mencetuskan banjir luar biasa, mengorbankan hampir 1,700 orang di seluruh Pakistan sejak pertengahan Jun dan membanjiri satu pertiga negara itu.

Kemusnahan besar itu juga dijangka menelan belanja US$30 bilion untuk kerja-kerja baik pulih, menurut anggaran kerajaan.

Musim tengkujuh dan banjir besar telah merosakkan kira-kira 45 peratus kawasan tanaman negara, menimbulkan ancaman serius kepada keselamatan makanan negara. - ©BERNAMA

# Korea Utara dakwa ujian peluru berpandu untuk 'mempertahankan diri'

**SEOUL**, 8 Okt. - Korea Utara yang menerima kecaman susulan pelancaran peluru berpandu balistiknya, menegaskan langkah itu bertujuan "mempertahankan diri dan dilakukan secara berkala", lapor Agensi Berita Yonhap.

Pentadbiran Penerbangan Kebangsaan (NAA) Korea Utara dalam satu kenyataan pada Sabtu memaklumkan ujian peluru berpandu itu sebagai langkah mempertahankan keselamatan negara dan keamanan serantau daripada ancaman tentera asing.

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), sebuah agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu PBB yang mengendalikan hal ehwal berkaitan navigasi udara antarabangsa, menyifatkan pelancaran peluru berpandu balistik milik Korea Utara secara berterusan di atau berhampiran laluan udara antarabangsa tanpa notis awal sebagai ancaman serius kepada keselamatan penerbangan awam.

Korea Utara mendakwa ujian peluru berpandunya tidak menimbulkan sebarang ancaman atau berbahaya kepada keselamatan penerbangan awam atau negara jiran.

Tindakan Korea Utara itu telah meningkatkan ketegangan di semenanjung Korea susulan beberapa ujian senjata, termasuk pelancaran peluru berpandu balistik jarak sederhana pada Selasa.

Ujian peluru berpandu Pyongyang dilihat sebagai protes terhadap latihan ketenteraan bersama oleh Korea Selatan dan Amerika Syarikat kerana rejim Kim Jong Un menganggapnya sebagai latihan untuk pencerobohan.

Pihak sekutu mengadakan latihan gabungan ketenteraan tahunan berskala besar dari akhir Ogos hingga awal September.

Mereka juga mengadakan latihan tentera laut bersama melibatkan kapal pengangkut pesawat berkuasa nuklear, USS Ronald Reagan. - ©BERNAMA

# New York isytihar darurat susulan peningkatan pencari suaka

**NEW YORK**, 8 Okt. - Datuk Bandar New York Eric Adams mengisytiharkan darurat pada Jumaat susulan peningkatan kemasukan pencari suaka yang kebanyakannya berasal dari selatan Amerika Syarikat.

Perintah eksekutif itu telah dikeluarkan pada Jumaat membolehkan arahan diberikan kepada semua agensi berkaitan menyelaras respons terhadap krisis kemanusiaan pencari suaka dan mewujudkan pusat bantuan kemanusiaan sementara, lapor Xinhua.

Darurat akan dikuat kuasa selama 30 hari dan mungkin akan dilanjutkan.

Adams turut meminta bantuan daripada pihak persekutuan dan negeri untuk menangani kemasukan berterusan pencari suaka.

Sistem perlindungan di New York kini beroperasi pada kapasiti hampir 100 peratus dan menampung lebih 61,000 orang manakala bandar itu akan dihuni lebih 100,000 pencari suaka tahun depan jika trend semasa berterusan.

"Angka itu jauh lebih tinggi berbanding kemampuan yang ada. Keadaan ini tidak mampan. Bandar ini akan hilang pembiayaan untuk keutamaan lain," katanya.

Lebih 17,000 pencari suaka kebanyakannya dari Amerika Selatan telah tiba di New York sejak April.

Untuk menampung golongan berkenaan bandar itu telah menandatangani kontrak bersama 42 hotel untuk dijadikan sebagai pusat perlindungan manakala satu pusat respons dan pemindahan sedang dalam pembinaan di Pulau Randall.

Pihaknya sedang bekerjasama dengan pejabat gabenor New York untuk mengenal pasti lokasi tambahan bagi pembinaan pusat pemindahan dan sumber kakitangan.

New York dijangka membelanjakan sekurang-kurangnya US$1 bilion menjelang akhir tahun fiskal ini bermula 1 Okt bagi menangani krisis pendatang.

Kira-kira sebulan lalu Datuk Bandar Washington D.C. Muriel Bowser turut mengisytiharkan darurat berikutan kebanjiran pendatang yang tiba dari selatan Texas dan Arizona. - ©BERNAMA

# Musim sejuk kian hampir, EU bakal berdepan krisis tenaga

**ANKARA**, 8 Okt. - Musim sejuk yang semakin hampir mencetuskan kebimbangan dalam kalangan negara-negara Eropah susulan kekurangan bekalan tenaga.

Krisis antara Ukraine dan Rusia menyebabkan kos tenaga naik mendadak, lapor Agensi Anadolu.

Menteri iklim Britain pada Jumaat menolak kempen menggesa orang ramai menjimatkan penggunaan tenaga, walaupun Grid Nasional memberi amaran negara mungkin berdepan senario terburuk seperti terputus bekalan elektrik.

National Grid memberi United Kingdom (UK) mungkin menghadapi gangguan bekalan elektrik selama tiga jam pada musim sejuk ini.

UK menjana 40 peratus kuasanya melalui gas yang telah terjejas akibat operasi ketenteraan Rusia ke atas Ukraine hingga mencetuskan lonjakan harga global.

Kerajaan Britain telah mengumumkan jaminan tenaga untuk membantu isi rumah dan perniagaan yang berdepan masalah kos tenaga.

Pemimpin Kesatuan Eropah (EU) tidak dapat mencapai kata sepakat mengenai penetapan harga siling gas ketika sidang kemuncak tidak rasmi pada Jumaat di ibu negara Czech, Prague.

Sebelum mesyuarat itu, Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen mencadangkan untuk mengehadkan kenaikan bil tenaga dengan harga pasaran gas asli yang diimport dan memperbaharui pasaran elektrik Eropah.

Sebagai sebahagian pembaharuan keseluruhan pasaran EU, mereka juga mengadakan perbincangan mengenai kemungkinan mengekang atau penduaan harga gas yang digunakan untuk menjana elektrik.

Hal itu berlaku selepas permintaan dari 15 negara EU termasuk Sepanyol, Perancis dan Itali.

Di bawah peraturan semasa harga gas yang tinggi memberi kesan inflasi ke atas bil elektrik.

Von der Leyen berjanji bahawa badan eksekutif EU akan mengemukakan cadangan lebih terperinci mengenai perkara itu dalam beberapa minggu akan datang.

Perancis pada Khamis melancarkan pelan penjimatan tenaga bertujuan mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 10 peratus dalam tempoh dua tahun akan datang.

Selain mengurangkan penggunaan tenaga, rancangan itu juga bertujuan mengekang kebergantungan kepada Rusia, menjamin bekalan tenaga dan tidak lagi bergantung kepada bahan api fosil menjelang 2050.

Mengikut perancangan terdapat 30 langkah untuk mengurangkan penggunaan tenaga bagi penjawat awam termasuk memanaskan bangunan awam pada suhu maksimum 19 darjah celsius, menghapuskan keperluan air panas di tandas, mengehadkan kelajuan perkhidmatan awam kepada 110 kilometer sejam dan menggalakkan penjawat awam bekerja dari rumah. - ©BERNAMA

# Banjir korbankan 24 nyawa di Nigeria

**LAGOS** (Nigeria), 8 Okt. - Sekurang-kurangnya 24 orang terbunuh manakala lebih 18,000 hilang tempat tinggal akibat banjir di Katsina utara Nigeria, kata seorang pegawai agensi bantuan pada Jumaat.

Ketua Agensi Pengurusan Bencana negeri Umar Muhammad berkata kira-kira 16,625 rumah musnah akibat banjir yang melanda sejak Mei manakala 34 kawasan turut terjejas, lapor Xinhua.

Beliau berkata demikian ketika sesi taklimat media di bandar Katsina.

Ladang seluas 6.6 kilometer persegi turut ditenggelami banjir.

Kerajaan negeri dilaporkan akan menyalurkan bantuan kepada penduduk terjejas secepat mungkin.

Pada Mei, pihak berkuasa Nigeria telxah mengeluarkan amaran banjir buruk kepada 32 daripada 36 negeri dan wilayah di negara itu. - ©BERNAMA

# Tiga maut akibat letupan di stesen minyak di Ireland

**DUBLIN**, 8 Okt. - Tiga orang dilaporkan maut manakala lebih 30 lagi cedera akibat letupan di sebuah stesen minyak di Co Donegal, Ireland pada Jumaat, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Polis Ireland memaklumkan insiden berlaku pada 3 petang waktu tempatan di stesen minyak Applegreen di pinggir Creeslough, Ireland.

Letupan itu turut meranapkan bumbung blok rumah pangsa dua tingkat berhampiran. - ©BERNAMA



# Kembalikan kegemilangan sukan lumba perahu

FOKUS SUKAN

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Arkib Jabatan Penerangan**

SUKAN Lumba Perahu merupakan sukan tradisi di negara ini yang sememang awalnya dipelopori oleh penduduk - penduduk di Kampong Ayer dan diwarisi secara turun temurun sejak dulu lagi yang umumnya dikenali lumba berkayuh.

Menyebut lumba perahu pastinya akan terbayang-bayang di fikiran kita tentang pesta lumba berkayuh dan berkayuh ini dihubungkaitkan dengan perahu.

Perahu merupakan satu-satunya alat pengangkutan perhubungan penting bagi mereka yang tinggal di Kampong Ayer pada masa silam.

Ia juga berperanan sebagai cara untuk mendapatkan mata pencarian bagi memenuhi keperluan harian seperti menangkap ikan dan sebagainya.

Menyentuh tentang sukan lumba perahu ini, penduduk Kampong Ayerlah yang sememangnya lebih mahir dan handal dalam berlumba perahu, khususnya dalam melakukan teknik berkayuh malah mereka juga memiliki stamina yang kuat berikutan aktiviti kehidupan seharian mereka.

Ia merupakan salah satu sukan lama yang masih mendapat sambutan dari masyarakat di negara ini walaupun semakin hari semakin berkurangan yang mungkin disebabkan kurangnya penduduk yang tinggal di Kampong Ayer pada masa ini.

Menurut beberapa catatan sejarah penganjuran lumba perahu ini telah di adakan sejak tahun 1930an lagi dan masih kekal hingga sekarang. Sukan ini bukan saja di sukai oleh rakyat biasa tetapi juga menjadi kesukaan kerabat diraja dan orang-orang kenamaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan antara peminat sukan ini, di mana beberapa kali baginda berkenan bercemar duli menyertai beberapa perlumbaan.

Apabila berlangsungnya acara lumba perahu keadaan di ibu negara akan menjadi ceria apabila orang ramai yang terdiri dari berbagai lapisan masyarakat dan penduduk akan menyaksikan kemeriahan perlumbaan di Sungai Brunei, khususnya di kawasan dermaga kastam diraja selain satu kesempatan bagi penduduk-penduduk di Kampong Ayer yang tinggal di sepanjang trek perlumbaan.

Namun masa dan keadaan kini sudah begitu jauh berubah yang mana kehandalan para pekayuh perahu dan kemahiran teknik berkayuh tidak lagi dikaitkan dengan kegiatan mata pencarian kerana atlet-atlet dalam lumba berkayuh ini tidak semestinya mereka yang terbiasa dengan kegiatan di air.

Kemahiran berkayuh terpaksa dipelajari dan perlu membuat latihan yang cukup serta bersistematik untuk mendapatkan kekuatan fizikal dan ketahanan stamina yang tinggi.

Sejak mencapai kemerdekaan, negara telah mengalami banyak perubahan bukan saja pada kemajuan pembangunan malah juga kemajuan dalam sukan. Ini terbukti dengan penyediaan gelanggang-gelanggang dan kemudahan sukan yang disediakan oleh pihak kerajaan sehingga penganjuran sukan dikendalikan dengan lebih selesa.

Selain Jabatan Belia dan Sukan yang banyak membantu memperkembangkan sukan lumba perahu ini, Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERKEBAR) juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada perkembangan serta kejayaan sukan ini selain penglibatan dari pasukan-pasukan lumba kayuh yang ada.

Jika persatuan-persatuan sukan yang lain memiliki pasukan kebangsaannya maka PERKEBAR juga perlu membentuk pasukan yang boleh mewakili negara untuk menyertai kejohanan dalam dan luar negeri sebagai pasukan kebangsaan khususnya sebagai persiapan menghadapi kejohanan antarabangsa dan serantau seperti Sukan SEA dan sebagainya.

Ditinjau pada era pertengahan tahun 80an sehingga penghujung 90an Pasukan Lumba Perahu Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah pasukan yang disegani dirantau ini, terutama di Sukan SEA, selain acara-acara jemputan luar negara yang hasilnya beroleh beberapa kejayaan.

Bagi memastikan kejayaan seperti ini terulang kembali, maka perlunya ada perancangan pendek dan panjang PERKEBAR dan pihak-pihak tertentu khususnya untuk menarik lebih ramai lagi penyertaan pekayuh-pekayuh muda untuk dijadikan atlet negara.

Hal ini termasuklah memberikan latihan dan bimbingan daripada jurulatih yang berkemampuan, di samping memelihara kebajikan para pekayuh. Selain itu, kekerapan penyertaan ikut bertanding dalam kejohanan merupakan pengalaman penting bagi mengukur kemampuan atlet baharu.

Dengan adanya penyertaan tersebut diharap akan mampu menaikkan semangat para pekayuh untuk beraksi ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Oleh itu, sebagai sukan tradisi ia perlu di teruskan dengan apa cara sekalipun dan memerlukan sokongan daripada pihak-pihak tertentu adalah sangat-sangat diharapkan agar ia tidak pupus ditelan zaman, terutama kepada generasi muda pada masa ini dan akan datang.






# WARGA KUPU SB HARGAI PENDIDIK DENGAN AKTIVITI RIADAH



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama pada sesi pemanasan badan al Muhsinun bersama Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan melihat lebih dekat sebahagian daripada aktiviti yang disediakan (kiri dan kanan).

**Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul 1444H dan Sambutan Hari Guru Ke-32 Tahun 2022, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan program khas, iaitu 'Habibi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Guruku Ceria' yang diungkayahkan bersama dengan program Bandarku Ceria bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir selaku tetamu khas, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang.

Atur cara program didahului dengan Solat Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan penyampaian tazkirah khas oleh Mahasiswa Sarjana Perguruan Ugama dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud.

Program kemudiannya dilanjutkan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi acara '5KM Langkah Zikir' dan dimulakan dengan sesi pemanasan badan al Muhsinun yang dipimpin oleh Ra'es KUPU SB.

Langkah Zikir sejauh lima kilometer bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dengan melintasi Dermaga Diraja, menuju ke Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kemudiannya berakhir semula di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Turut diadakan semasa program berkenaan ialah pameran serta aktiviti yang dikendalikan oleh fakulti, pusat dan mahasiswa serta mahasiswi KUPU SB yang dibukakan kepada orang ramai.

Antara pameran dan aktiviti yang diadakan termasuk seni khat Jawi, menghalusi solat, 'lakastah berselawat', pendidikan adab Rasulullah, Sirah Rasulullah dan mempelajari bahasa Arab.

Antara matlamat program diungkayahkan adalah bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menanai rasa cinta dan kasih terhadap Baginda sebagai Uswah Hasanah sepanjang masa melalui Selawat-selawat kepada Baginda.

Selain itu, membudayakan kesihatan fizikal, mental dan kerohanian dalam kalangan guru, memberi peluang kepada warga KUPU SB untuk berinteraksi dan mendidik masyarakat awam khususnya berkaitan dengan kesihatan fizikal dan mental berteraskan ajaran Islam.

Di samping itu, program berkenaan juga diungkayahkan bagi sama-sama menghargai sumbangan para pendidik di Negara Brunei Darussalam.

# E-Sukan : Pencapaian tidak setanding peruntukan?

**PUTRAJAYA**, 9 Okt. - Pencapaian sukan elektronik (e-sukan) negara dalam konteks pembangunannya tidak setanding dengan peruntukan mencecah RM60 juta yang telah diberikan kerajaan, kata Setiausaha Agung Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia (MESF) Mohamad Nazri Abdul Latiff.

Beliau berkata dengan peruntukan bagi pembangunan e-sukan negara yang telah diberikan sejak 2019 itu, Malaysia sebenarnya mampu meraih pencapaian serta pengiktirafan lebih tinggi pada peringkat antarabangsa.

"Nak kata kecewa (pencapaian) pun kita bawa balik tiga emas di Kejohanan E-Sukan Komanwel 2022 di Birmingham (Ogos lepas), (tetapi) atas usaha kita juga.

"Tetapi bajet itu masih lagi jadi pertanyaan, dengan bajet yang telah diberikan saya gambarkan Malaysia sudah pun ada Arena E-Sukan yang kemegahannya boleh dikagumi di peringkat antarabangsa," katanya kepada Bernama.

Peruntukan RM60 juta bagi pembangunan e-sukan itu merangkumi RM15 juta yang diumumkan menerusi Bajet 2022 dan 2021, RM20 juta (Bajet 2020) dan RM10 juta pada pembentangan Bajet 2019.

Terbaru, pada pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 di Dewan Rakyat dua hari lepas, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengumumkan peruntukan RM13 juta, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan yang diterima bagi pembangunan e-sukan berjumlah RM73 juta.

Mohamad Nazri berkata banyak penjimatan dari sudut penganjuran aktiviti dapat dilakukan jika kerajaan membangunkan arena atau stadium e-sukan sendiri kerana ketika ini mereka terpaksa menyewa yang memakan kos tinggi.

"Keduanya pembangunan e-sukan itu lebih mampan dan bergerak lebih lancar kerana kita sudah ada stadium (sendiri). Ramai akan berkunjung untuk melihat kemegahan yang dimiliki Malaysia," katanya yang turut mengakui banyak saingan liga dapat dianjurkan menerusi belanjawan yang diterima saban tahun.

Sebagai rekod, pada Disember 2020 Esports Business Network (EBN) melancarkan bandar e-sukan pertama Malaysia dikenali sebagai EBN Esports City yang disasarkan sebagai destinasi acara antarabangsa, justeru memperkukuh industri e-sukan negara di peringkat tempatan, serantau dan global.

EBN Esports City bernilai RM4 juta itu yang terletak di tingkat atas pusat beli-belah Quill City Mall di Kuala Lumpur dengan keluasan 65,000 kaki persegi, direka sebagai lokasi ideal yang dilengkapi teknologi dan sistem sokongan tercanggih untuk menganjurkan kejohanan, acara dan konvensyen e-sukan bertaraf dunia.

Semalam, Presiden MESF Datuk Ananth S. Nathan menggesa semua pihak meneliti dan memperhalusi mengenai pengurusan peruntukan Bajet 2023 yang menyaksikan e-sukan menerima RM13 juta.

Beliau berkata MESF sebagai badan induk yang mengelola pembangunan e-sukan negara, tidak pernah menerima atau berpeluang menggunakan peruntukan belanjawan secara khusus yang telah diumumkan dalam pembentangan bajet pada tahun-tahun sebelum ini. - ©BERNAMA